

SIARAN AKHBAR

5 SEPTEMBER 2018

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) - GEORGE TOWN FESTIVAL 2019 - 2020

GEORGE TOWN: George Town World Heritage Incorporated membuka tawaran kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai Pelawaan Untuk Cadangan (RFP) bagi merancang, mengendalikan dan melaksanakan George Town Festival 2019 dan 2020.

Syarikat yang menyertai tawaran ini hendaklah bertanggungjawab mengendalikan semua aspek pelaksanaan George Town Festival 2019 dan 2020, termasuklah perkembangan konsep, perancangan, pengaturcaraan, pelaksanaan, pengurusan festival dan kewangan, promosi dan penilaian. Modal sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan untuk tahun fiskal 2019.

Sejak penubuhan pada tahun 2010, George Town Festival telah mempamerkan kepelbagaian dan kekayaan warisan, budaya dan kesenian dengan memilih Tapak Warisan Dunia George Town sebagai platform utama. Festival ini menggambarkan keunikan kepelbagaian budaya dan warisan dengan menyambut pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO serta Nilai-nilai Keunggulan Sejahtaranya.

George Town Festival mentransformasikan Pulau Pinang sebagai tumpuan utama di peringkat global yang dapat membolehkan komuniti dan masyarakat melibatkan diri kepada kesenian. Dari segi penyelarasan program, usaha penerokaan di dalam konteks tempatan dan antarabangsa juga menyediakan satu pentas kepada artis dan artisan untuk mengembangkan, berkongsi dan menghayati keindahan seni.

Syarikat tersebut hendaklah warganegara Malaysia (atau perkongsian dengan majoriti warganegara Malaysia sebagai pemegang saham) dan mempunyai rekod prestasi cemerlang dalam menganjurkan aktiviti sambutan perayaan yang serupa. Syarikat yang berminat hendaklah mahir dan pengurusan acara, kewangan dan program.

Dokumen RFP boleh dimuat turun melalui laman web www.gtwhi.com.my/gtfrfp secara percuma mulai 5 September 2018. Syarikat diwajibkan untuk menghadiri sesi taklimat yang dijadualkan pada 24 September 2018 (Khamis), jam 10.00 pagi, bertempat di George Town World Heritage Incorporated. Syarikat yang berpangkalan di luar negara boleh menyertai sesi taklimat melalui Skype.

Serahan cadangan hendaklah sebelum jam 12.00 tengahari pada 1 November 2018 dengan melalui emel gtf@gtwhi.com.my. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Josephine Jalleh (011-6351 0341, gtf@gtwhi.com.my) atau melayari laman web www.gtwhi.com.my/gtfrfp.

###

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Josephine Jalleh
Pengurus Bahagian Komunikasi dan Kolaborasi
George Town World Heritage Incorporated
Tel: 04-261 6606 / 017-446 5366
E-mel: josephine@gtwhi.com.my